

30 MAR 2000

Mahathir-Iraq

LAWATAN SITI HASMAH KE IRAQ BUKAN UNTUK TOLONG SADDAM, KATA MAHATHIR

JITRA, 30 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tujuan rombongan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah melawat Iraq ketika ini bukan untuk menolong Presiden Iraq Saddam Hussein.

Sebaliknya, tujuan lawatan itu ialah bagi meninjau keadaan kesengsaraan rakyat Iraq yang tidak cukup makanan dan ubat-ubatan.

Lawatan itu dilakukan kerana Malaysia mempertahankan hak asasi manusia, katanya.

"Kita bukan nak tolong Saddam, Saddampun tidak perlukan pertolongan kita," katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra di sini.

Bagaimanapun beliau berkata Amerika Syarikat mengecam lawatan itu.

Dr Mahathir berkata, walaupun Malaysia tidak bersetuju serangan Iraq ke atas Kuwait tetapi ia tidak bersetuju rakyat Iraq menjadi mangsa dan tebusan oleh kuasa-kuasa besar dengan mengenakan sekatan ekonomi dan mendesak Saddam disingkirkan daripada jawatannya.

Malaysia, kata Perdana Menteri, mampu menegur pihak yang mencabul hak asasi manusia di mana-mana.

"Sekarang, orang menganggap Malaysia betul-betul bebas," katanya.

Ini kerana tidak banyak negara yang berani menyuarakan soal hak asasi manusia, katanya.

Beliau berkata, Malaysia negara membangun, mempertahankan hak asasi manusia dan keadilan sebagai contoh di Bosnia, Kosovo dan kini Iraq.

-- BERNAMA

JM NMO